

Tuanku Zara berkenan rasmi Pameran Seni sempena 55 Tahun Hubungan Diplomatik Malaysia-Romania

Tanjong Malim, 6 September - RAJA Permaisuri Perak Darul Ridzuan, Tuanku Zara Salim, yang juga Canselor, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Pameran Seni Visual Sempena Sambutan 55 Tahun Hubungan Diplomatik – Persilangan Budaya antara Malaysia dan Romania semalam.

Baginda berkenan merasmikan Pameran Seni Visual Sempena Sambutan 55 Tahun Hubungan Diplomatik – Persilangan Budaya antara Malaysia dan Romania atas inisiatif Institut Peradaban Melayu (IPM) di Kampus Sultan Abdul Jalil Shah di Tanjong Malim, Perak.

Dalam majlis yang sama, DYMM Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan, Tuanku Zara Salim

turut menyaksikan Program Pemvaksinan Human Papilloma Virus (HPV).

Duta Besar Romania ke Malaysia, Mrs. Nineta Barbulescu menyifatkan jalinan hubungan di antara Romania dan Malaysia sejak tahun 1969 membuktikan bahawa kedua-dua negara ini mempunyai ikatan persahabatan, kerjasama dan saling menghormati warisan budaya dan telah berkembang sehingga sekarang.



Mrs. Nineta Barbulescu
Duta Besar Romania

Ahmad Hazmi kutip emas pertama buat Kontinjen UPSI di SUKIPT 2024

UniMAP, 7 September - Kem UPSI menerima suntikan semangat apabila Ahmad Hazmi Hamdan dari acara sukan Berbasikal mengutip emas pertama kontinjen UPSI di Kejohanan SUKIPT edisi ke-4 yang diadakan di UUM, Kedah. Pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dari Fakulti Komputeran dan Meta-Teknologi (META) telah menjuarai acara XCO MTB Individual Time Trial dengan catatan masa terbaik mengatasi pelumba lain termasuk pelumba harapan dari UPSI Adam Zharfan Fenner Ambrose yang mengalami masalah teknikal.

Suasana emosi dalam kem basikal sebaik tamat perlumbaan, kerana pelumba emas ini bermula dari bawah. Seorang pelumba basikal yang bermula dengan hanya suka-suka kemudiannya bakatnya digilao oleh jurulatih yang juga pelumba basikal

untuk kategori staf UPSI, Ahmad Ritaudin Hamzah. Bagi Hazmi jurulatihnya itu sangat berjasa kepadanya kerana membentuk dan menjadikan beliau seorang pelumba basikal yang semakin meningkat naik dengan menjaga corak latihan, kebajikan makan dan minumannya disepanjang latihan lagak seperti ayahnya sendiri. Menurut Hazmi lagi, beliau sangat beruntung dikelilingi oleh rakan sepasukan yang saling membantu sejak Kejohanan Le Tour De IPT yang pada ketika itu UPSI memperoleh pingat gangsa berpasukan keseluruhan walaupun dibarisi oleh pelumba tidak ternama. Hazmi juga tidak lupa akan jasa dan tenaga yang diberikan oleh barisan teknikal basikal iaitu saudara Meor Ahmad Shahril Meor Ahmad Nazizan yang tidak jemu untuk membuat setting, memasang dan membaiki basikalnya serta tidak lupa juga kepada team pengurusan basikal UPSI.

Ketika berita ini ditulis Hazmi menambah lagi dua koleksi pingat emas untuk UPSI bagi kategori individu dan berpasukan pada hari kedua acara berbasikal dipertandingkan. Syabas anak muda.





Laluan khas Palapes sertai ATM

Tanjong Malim, 6 September

- Kementerian Pertahanan akan menyediakan laluan khas kepada pegawai kadet Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) untuk menyertai Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sebaik tamat pengajian ijazah sarjana muda di universiti, bermula tahun depan.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, pihak ATM sudah bersetuju untuk menyediakan 100 tempat khas

membabitkan ketiga-tiga cabang perkhidmatan iaitu darat, laut dan udara.

Menurutnya, sebagai galakan, Kementerian Pertahanan sedang mempertimbangkan untuk menanggung sebahagian daripada bayaran pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi 100 pegawai kadet Palapes terbabit.

"Ini dapat memenuhi usaha kita untuk menjayakan angkatan masa depan bersandarkan

kepada ancaman bukan tradisional serta cabaran kemajuan teknologi. "Kita memang memerlukan anggota dan pegawai ATM yang memiliki pelbagai latar belakang ilmu dan kemahiran," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Program Executive Lecture Menteri Pertahanan bersama Pegawai Kadet Palapes Universiti Awam di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), di sini, hari ini.



Sesi Penyerahan Kerusi Roda Elektrik dan Sumbangan Insuran Berkelompok UPSI

Tanjong Malim, 3 September

- UPSI telah menyerahkan 4 buah kerusi roda elektrik kepada kakitangan UPSI yang masih berbakti kepada Universiti yang tercinta ini. Kekurangan mereka bukanlah penghalang untuk mereka terus berjasa kepada UPSI. Oleh itu dengan semangat

dan kegigihan mereka pihak UPSI telah memberikan kerusi roda elektrik untuk memudahkan pergerakan mereka menjalankan tugas. UPSI juga memberi sedikit sumbangan kepada kepada waris kakitangan UPSI yang telah pergi meninggalkan kita buat selamanya.

Semoga dengan sedikit sumbangan ini dapat membantu keluarga arwah dimasa akan datang.

Kami di UPSI akan sentiasa peka dengan kebajikan Pelajar dan kakitangan yang sentiasa membantu untuk menaikkan nama UPSI dipersada dunia.



UPSI Rangkul Kejayaan di KNOVASI IUCEL 2024

Tanjong Malim, 5 September

- Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) berjaya merangkul anugerah khas bagi kategori Excellence in Future-Proof Learning, dua pingat emas, dua pingat perak dan satu pingat gangsa di pertandingan inovasi KInovasi IUCEL 2024 pada 5 September 2024 di Avenue Convention Center, Bangi pada 5 September 2024. KNOVASI IUCEL 2024 dianjurkan oleh The Congress and Innovation Competition in Teaching and Learning (kNovasi) dan International University Carnival on E-Learning (IUCEL) bagi memperkasakan inovasi-inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di peringkat global.

Anugerah dan pingat-pingat ini telah dianugerahkan kepada penyelidik yang komited dan berdedikasi tinggi di UPSI. Anugerah khas bagi kategori

Excellence in Future-Proof Learning Award telah dianugerahkan kepada Dr. Abdul Rahman Safian dari Fakulti Muzik dan Seni Persembahan (FMSP) bagi produk inovasi yang bertajuk "eMARZ: Revolutionizing Music Appreciation with eMARZsive VR Technology for Malaysian Schools". Dua pingat emas telah dirangkul oleh Ts. Dr. Faridah Hanim Yahya dari Fakulti Pembangunan Manusia bagi inovasi "Augmented Reality Visual Plan Projection Geometry (ARVPP-Geo) Kits" dan Profesor Madya Dr. Siti Rahaimah binti Ali dari Fakulti Pembangunan Manusia bagi inovasi "E-Lounia : Mobile Application of The Numeracy Understanding Model for Alternative School".

Selain itu, pingat dua pingat perak dirangkul oleh Dr. Syamsinar binti Abdul Jabar dari Fakulti Pembangunan Manusia bagi inovasi

"ApKodBM" dan Profesor Madya Dr. ChM Dr Noorshida Mohd Ali dari Fakulti Sains dan Matematik bagi inovasi "Cmet3 Model Kit". Manakala pingat gangsa pula telah dirangkul oleh Profesor Madya Dr. Saipolbarin bin Ramli dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi bagi inovasi "Kit E-Muhadathah"

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Suriani Abu Bakar berkata UPSI, Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), UPSI, Prof. Dr. Rosmilah Misnan dan seluruh warga UPSI amat berbangga dengan kejayaan ini kerana penyelidik-penyelidik dari UPSI dapat meneruskan tradisi kecemerlangan dalam penyelidikan dan inovasi dengan memenangi anugerah khas dan lima pingat dalam pertandingan KNOVASI IUCEL 2024 ini.

